

# 1982 tahun rahmat bagi Nik Azizah

KOTA BHARU, Isnin — Orang yang paling gembira dan mengalu-alukan perlantikan Encik Ariffin Said sebagai Timbalan Menteri Besar baru, selain dari rakyat Kelantan ialah isteri beliau, Puan Hajah Nik Azizah binti Nik Yahya yang sejak awal pagi menunggununggu "berita gembira" itu.

Berita Harian menghubungi Puan Nik Azizah di kediamannya sebaik saja suaminya, Encik Ariffin Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Manik Ural dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar, menggantikan Datuk Haji Hussein Ahmad.

Puan Nik Azizah ketika diberitahu perlantikan tersebut, agak terperanjat sambil berkata "syukur alhamdulillah, saya bersama 5 orang anak menganggapnya "berita gembira" dan ini merupakan 'tuah' anak-anak di samping kepercayaan kerajaan terhadap suami saya."

Beliau menganggap tahun ini tahun 'rahmat' ke atas keluarganya, kerana selain dari Encik Ariffin dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar, anak sulungnya, Nik Ariza, 17 tahun, berjaya melanjutkan pelajaran ke Amerika.

Nik Ariza, bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara Pengkalan Chepa, akan melanjutkan pelajaran dalam bidang akauntan, beliau akan bertolak 27 Mei depan.

Manakala Puan Nik Azizah sendiri yang aktif dalam Pertubuhan Wanita Negeri Kelantan, pula terpilih menyertai

mesyuarat Pertubuhan Wanita Antarabangsa di Kuching, Sarawak pada 16 Mei depan.

Beliau yang berkelulusan Senior Cambridge, adalah bekas pelajar Sekolah Menengah Zainab, Pengerusi WI Kota Bharu.

Dalam politik pula, Puan Nik Azizah adalah Naib Yang Dipertua Wanita UMNO Kota Bharu, dan pernah menyertai rombongan Allahyarham Tun Abdul

Razak melawat negara-negara Eropah.

Menyentuh mengenai bidang politik, Puan Nik Azizah berkata, "Saya akan turut membantu suami saya dalam politik dan akan bergiat cergas memberi perkhidmatan dan bertugas untuk rakyat khususnya di kawasan Manik Ural."

Beliau turut sama berkempen untuk kemenangan suaminya dalam pilihanraya lalu di kawasan Manik Ural, (Ulu Kelantan).

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia